



TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN
BANTUAN KHAS KEJATUHAN HARGA GETAH 2016**

**DEWAN JUBLI PERAK
KUALA KANGSAR, PERAK**

**10 JUN 2016 (JUMAAT)
WAKTU KETIBAAN : 9.45 PAGI**

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Amat Berhormat Dato Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Y.B. Datuk Alexander Nanta Linggi
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Y.B. Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah

Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin
Pengerusi RISDA

Yang Berhormat Exco-Exco, Ahli-Ahli Parlimen dan ADUN Negeri Perak

Yang Berbahagia Ahli – Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Yang Berbahagia Pengerusi – Pengerusi Syarikat Milikan RISDA

Ketua – Ketua Jabatan KKLW dan Ketua-Ketua Agensi di bawah KKLW
Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri Perak

Pemimpin-pemimpin tempatan serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan para pekebun kecil yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa

1. Marilah kita sama-sama mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S. W.T. atas perkenan dan izinNya dapat kita berhimpun dalam “Majlis Penyampaian Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah” di Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar pada hari ini. Sesungguhnya saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita yang telah sudi meluangkan masa untuk menghadiri dan seterusnya menyempurnakan majlis ini pada hari ini. Kehadiran dan sokongan Yg. Amat Berhormat Dato’ Sri menyemarakkan lagi semangat kami semua di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk meneruskan usaha memperkasa dan membangunkan masyarakat luar bandar di negara ini. Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato’ Sri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan yang sentiasa hadir bersama untuk menyokong aktiviti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Juga kepada semua Dif-Dif Jemputan yang begitu perihatin untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini. Saya amat berbangga dan berterima kasih atas sokongan yang diberikan.

YAB Dato’ Sri serta Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Untuk meningkatkan pengeluaran getah negara, RISDA telah melaksana pelbagai program untuk meningkatkan produktiviti getah. Kawasan tanah yang sesuai untuk dibangunkan bagi bidang pertanian mulai terhad. Begitu juga dengan pekebun kecil yang mempunyai keluasan kebun yang terhad iaitu purata 2.2 hektar seorang. Oleh yang demikian, RISDA telah mengambil tindakan pro aktif bagi memastikan produktiviti kebun sedia ada dapat ditingkatkan walaupun mempunyai keluasan tanah yang terhad. Dengan senario ini, produktiviti kebun merupakan faktor utama yang menentukan pendapatan pekebun kecil. Saya yakin produktiviti ini boleh ditingkatkan lagi kerana potensi klon yang sedia ada mampu menghasilkan lebih dan pekebun kecil perlu mengamalkan amalan pertanian yang baik atau Good Agricultural Practices (GAP). Dalam perkara ini, RISDA telah memberi fokus kepada GAP secara menyeluruh di seluruh negara melalui Gerakan Membaja, Kempen Penggunaan Bahan Rangsangan dan Kempen Penorehan supaya GAP menjadi satu budaya dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti. Melalui peningkatan produktiviti, pendapatan pekebun kecil

dapat diimbangi sedikit walaupun harga getah menurun. Usaha-usaha ini telah mula menunjukkan impak positif dalam peningkatan pendapatan pekebun.

YAB Dato' Sri serta para hadirin sekalian,

3. Selain daripada itu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah melalui RISDA telah melaksanakan program – program meningkatkan pendapatan dimana pekebun kecil melaksanakan aktiviti tanaman integrasi, aktiviti ekonomi tambahan dan keusahawanan yang boleh menjana pendapatan dalam masa yang singkat.

4. Baru – baru ini kerajaan telah meluluskan Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah yang mana jumlahnya akan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sebentar nanti. Pemberian bantuan khas ini merupakan langkah untuk meringankan beban kos sara hidup 307,770 pekebun kecil pemilik pengusaha dan juga golongan penoreh seramai 80,340 orang yang terjejas akibat kejatuhan harga getah yang ketara pada masa ini. Seperti sedia maklum, kejatuhan harga getah memberi kesan secara langsung kepada pendapatan pekebun kecil terutama mereka yang memiliki keluasan kebun yang kecil dan bergantung sepenuhnya kepada getah sebagai sumber utama pendapatan. Sebagai Menteri Luar Bandar, saya merakamkan setinggi – tinggi penghargaan kepada YAB Dato' Sri atas keprihatinan membantu pekebun kecil.

YAB Dato' Sri serta para hadirin sekalian,

5. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di atas memperkenankan bantuan khas kepada pekebun kecil dan penoreh seluruh Negara. Sesungguhnya budi dan jasa baik YAB Dato' Sri atas keprihatinan terhadap masyarakat luar bandar amat kami hargai. Juga sekalung terima kasih kepada YAB Menteri Besar Perak,

Dato' Sri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir serta dif – dif jemputan yang lain. Semoga Majlis ini memberi manfaat sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil diseluruh Negara untuk lebih maju lagi pada masa hadapan. Saya mendoakan agar tuan – tuan dan puan – puan terus maju meningkatkan pendapatan dan mencapai taraf hidup yang sejahtera. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan “Selamat Berpuasa” serta marilah bersama-sama merebut kesempatan bulan Ramadhan yang mulia untuk mengamalkan seberapa banyak ibadah.

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**